

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Saring pelancong China elak COVID-19



Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelbagai pihak, termasuk pakar kesihatan mendesak kerajaan mengambil langkah segera untuk mengelak gelombang baharu COVID-19 dari China susulan keputusan republik itu menarik balik dasar 'sifar COVID' dan membuka semula sempadannya mulai 8 Januari depan.

Mereka meminta Malaysia mengikut langkah diambil beberapa negara, termasuk India,

Jepun dan Amerika Syarikat (AS) yang mengenakan sekatan perjalanan terhadap pelancong dari China susulan peningkatan kes positif COVID-19 di negara republik itu.

Pakar virologi Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Muhammad Amir Yunus, berkata apa yang perlu dilakukan oleh kerajaan sekarang adalah mengetatkan kawalan terutamanya membabitkan kemasukan pelancong serta mereka yang datang dari China.

Nasional 2

Langkah terbaik adalah dengan menyekat kemasukan pelancong China sehingga kes di negara itu menurun. Bagaimanapun, jika itu tidak dapat dilakukan, maka kawalan lebih ketat harus dikenakan, termasuk melaksanakan ujian saringan COVID-19 kepada semua pelancong dari China

Dr Muhammad Amir Yunus,
Pakar virologi Universiti Sains Malaysia

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Rakyat disaran dapatkan dos penggalak vaksin

Langkah
persiapan
awal susulan
peningkatan
kes di China

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menyarankan rakyat Malaysia mendapatkan dos penggalak vaksin COVID-19 susulan perkembangan wabak itu yang kembali melonjak di China.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah, berkata ia adalah sebagai langkah siap siaga awal susulan perkembangan kes COVID-19 di China.

"Melihat kepada perkembangan terkini di China, KKM ingin menyarankan kepada semua untuk mendapatkan dos penggalak vaksin terutama barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi."

"Walaupun kes dalam negara masih terkawal dan menurun, kita perlu mengambil tindakan bersiap siaga," katanya kepada BH semalam.

Sejak 2020, China telah mengenakan sekatan kesihatan yang ketat menerusi 'dasar sifar COVID-19'.

Namun, awal bulan ini, kerajaan China menamatkan sekatan berkenaan ketika kes positif terus melonjak.

Ia sekali gus menyaksikan kes kematian terutama membabitkan golongan yang berisiko seperti warga emas, meningkat secara mendadak.

Jangkitan baharu meningkat

Beberapa hari lalu, media melaporkan wilayah perindustrian Zhejiang berdepan sejuta jangkitan baharu COVID-19 setiap hari, malah jumlah itu dijangka meningkat sehingga dua kali ganda dalam tempoh beberapa hari lagi.

Data Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit China melaporkan terdapat peningkatan kes



Orang ramai disaran mendapatkan suntikan dos penggalak susulan peningkatan kes yang tinggi di China.

(Foto hiasan)

di seluruh negara itu, tetapi tiada laporan kematian COVID-19 di tanah besar sejak lima hari lalu. Sementara itu, angka kematian terbaru akibat COVID-19 di ibu negara China menunjukkan peningkatan susulan ramai rakyatnya demam dan upacara pengubatan meningkat selepas nega-

ra itu melonggarkan sekatan.

Sementara itu, menurut laman web KKMNOW, sebanyak 12,920 kes aktif COVID-19 direkodkan di Malaysia hingga kelmarin.

Sebanyak empat kematian direkodkan kelmarin menjadikan angka keseluruhan yang maut akibat COVID-19 ialah 36,845.

Syor sekat kemasukan pelancong dari China

Dari Muka 1

Ini kerana, katanya, China adalah tempat pembiakan yang subur bagi COVID-19 selepas menarik balik dasar 'sifar COVID', yang menyaksikan lebih sejuta jangkitan di negara itu setiap hari.

"Langkah terbaik sebenarnya adalah dengan menyekat sepenuhnya kemasukan pelancong dari China sehingga berlaku penurunan kes di negara berkenaan."

"Bagaimanapun, sekiranya itu tidak dapat dilakukan, maka kawalan lebih ketat harus dipraktikkan dan bukan hanya meletakkan pengimbas suhu di pintu masuk sempadan, sebaliknya melaksanakan ujian saringan COVID-19 kepada semua pelancong yang masuk dari China," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan wilayah perindustrian Zhejiang berdepan sejuta jangkitan baharu COVID-19 setiap hari, malah jumlah itu dijangka meningkat sehingga dua kali ganda dalam tempoh beberapa hari lagi.

Setakat ini, Jepun, Taiwan, Itali, Amerika Syarikat (AS) dan India sudah mengumumkan beberapa langkah pencegahan, antaranya meniadakan kemasu-

kan dari China, selain penutupan perlu melakukan ujian saringan COVID-19.

Mengulas sama ada pemakaian pelitup muka perlu diwajibkan semula, Dr Muhammad Amir, berkata kerajaan perlu terus memantau kadar jangkitan dalam negara sebelum melaksanakan semula peraturan berkenaan.

"Kerajaan perlu menetapkan nilai ambang peraturan jangkitan kes, di mana sekiranya tercapai, maka beberapa langkah yang dilaksanakan sebelum ini seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan sosial dan penggunaan MySejahtera perlu dilaksanakan semula," katanya.

Situasi membimbangkan

Bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata peningkatan kes positif COVID-19 di China amat membimbangkan dan perlu dipandang serius serta diambil pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

Beliau berkata, perkara itu perlu ditangani oleh KKM dengan segera, terutama langkah pencegahan yang perlu diambil dalam mengelak penularan gelombang baharu.

"Peringatan global dan koordinasi perlu lebih kuat. (Difahamkan) 50 peratus rakyat China yang mendarat di Lapangan Ter-

bang Milan, Itali, baru-baru ini semuanya positif COVID-19.

"India, Jepun, AS mengenakan syarat ujian negatif untuk pelawat China."

"Adakah Malaysia sudah bersedia? Ini bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh... namun jangan terlalu cemas," katanya.

Ahli Parlimen Bandar Kuching, Dr Kelvin Yip turut meminta kerajaan mempertimbangkan mengenakan satu bentuk syarat perjalanan terhadap pengembara yang tiba dari China ke Malaysia susulan peningkatan kes selepas langkah negara itu menamatkan dasar 'sifar-COVID', awal bulan ini.

Yip yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Kesihatan, Sains dan Inovasi, mencadangkan Malaysia mengikuti langkah sama dan memastikan semua pe-

ngembara dari China mengambil ujian COVID-19, sekurang-kurangnya dua hari sebelum ketibaan ke negara ini.

Katanya, pengembara dari negara itu perlu diwajibkan menjalani ujian sejour tiba, dengan mereka yang disahkan positif dikenakan kuarantin selama tujuh hari.

Data Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit China melaporkan terdapat peningkatan kes di seluruh negara itu tetapi tiada laporan kematian COVID-19 di tanah besar sejak lima hari lalu.

Kes kematian meningkat

Sementara itu, angka kematian terbaru akibat COVID-19 di ibu negara China menunjukkan peningkatan susulan ramai rakyatnya demam dan upacara pengubatan meningkat selepas negara itu melonggarkan sekatan.

Langkah terbaik sebenarnya adalah dengan menyekat sepenuhnya kemasukan pelancong dari China sehingga berlaku penurunan kes di negara berkenaan

Dr Muhammad Amir Yunus,
Pakar virologi USM



Baru-baru ini, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Tedros Adhanom Ghebreyesus, dilaporkan berkata jumlah kes COVID-19 yang semakin meningkat di China amat membimbangkan dan menggesa Beijing menumpukan usaha memvaksin kumpulan yang berisiko.

Beliau berkata, untuk menjalankan penilaian risiko menyeluruh mengenai situasi di China, pertubuhan itu memerlukan maklumat lebih terperinci mengenai tahap keseriusan penyakit berkenaan dan bilangan kemasukan ke hospital.

Sejak 2020, China mengenakan sekatan kesihatan yang ketat menerusi dasar 'sifar COVID'.

Namun, kerajaan menamatkan sekatan berkenaan awal bulan ini ketika kes positif terus melonjak.

Ia sekali gus menyaksikan kes kematian terutama membabitkan golongan yang berisiko seperti warga emas, meningkat secara mendadak.

Agensi berita antarabangsa menganggarkan hampir sejuta kes baharu setiap hari di seluruh China dan sekurang-kurangnya satu hingga dua juta kematian tahun depan jika republik itu tidak meningkatkan keupayaan kesihatannya dengan segera, termasuk vaksinasi penduduknya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

KKM perlu yakinkan rakyat data peribadi MySejahtera selamat

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu meyakinkan rakyat bahawa data peribadi mereka dalam MySejahtera berada dalam keadaan selamat dengan ciri keselamatan dipertingkatkan sebelum aplikasi itu digunakan untuk urusan janji temu di klinik atau hospital.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (PPM), Dr Muruga Raj Rajathural, berkata ketika negara semakin maju ke arah pendigitalan perkhidmatan, sudah tentu akan tercetus sedikit kekebalan data peribadi mereka dalam aplikasi berkenaan.

"Kerajaan perlu berusaha untuk memenuhi jangkaan rakyat, bahawa kerajaan boleh dipercayai dengan penyimpanan data peribadi dan rekod pesakit," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, KKM mengumumkan sistem janji temu menggunakan MySejahtera dalam urusan di fasiliti kesihatan kerajaan dalam usaha mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan, mengambil kira masa menunggu yang lama ketika ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, sistem itu bertujuan membantu fasiliti kesihatan primer mengatur jadual perkhidmatan berdasarkan kapasiti masing-masing dan mengelak kesesakan di tempat pendaftaran dan menunggu.

Buat permulaan, perkhidmatan itu akan dimulakan di 673 klinik kesihatan secara berfasa, bermula dengan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI), saringan kesihatan Peka B40 dan khidmat berhenti merokok.

Dr Muruga juga meminta KKM melihat kembali bagaimana warga emas yang tidak memiliki telefon pintar atau tidak mahir menggunakan gajet itu boleh membuat janji temu mereka.

"Warga emas membentuk sebilangan besar pesakit kerana mereka memerlukan lebih banyak penjagaan kesihatan. Diha-rap generasi muda dapat memainkan peranan dalam membantu ibu bapa yang sudah berusia membuat janji temu," katanya.

Bagaimanapun, beliau menga-lu-alukan tindakan yang diambil oleh kerajaan itu kerana pendigitalan adalah langkah ke hada-pan dalam meningkatkan kece-kapan dan kemudahan penjagaan kesihatan awam di negara ini.

Presiden Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM), Mohd Afiq Salim pula meminta kerajaan melengkapkan infrastruktur membabitkan kelajuan internet, terutama di luar bandar terlebih dulu sebelum menggunakan aplikasi MySejahtera untuk urusan janji temu di fasiliti kesihatan awam.

Menyifatkan langkah terbaha-ru diambil KKM itu sebagai sangat bagus, beliau bagaima-napun berpandangan, ia seharus-nya dilakukan secara berfasa atau memberi pilihan kepada rakyat untuk datang ke klinik atau hospital secara terus atau 'walk-in'.

"Jika boleh buat janji temu me-lalui MySejahtera, memang ia le-bih memudahkan, tapi seku-rang-kurangnya ada pilihan un-tuk 'walk-in'. Jika tiada pilihan, ini akan menyusahkan rakyat ke-rana bukan semua kawasan mem-punyai fasiliti internet," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan rakyat Malaysia mendapatkan dos penggalak vaksin Covid-19 susulan perkembangan wabak itu yang kembali menganas di China.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah berkata, ia adalah sebagai langkah siap siaga awal susulan perkembangan kes Covid-19 di negara terbabit.

"Melihat kepada perkembangan terkini di negara China, KKM ingin menyarankan kepada semua untuk mendapatkan dos vaksin penggalak terutamanya barisan hadapan dan kumpu-

COVID-19 KEMBALI PARAH DI CHINA

Saran ambil dos penggalak

lan berisiko tinggi.

"Walaupun kes dalam negara (Malaysia) masih terkawal dan menurun, kita perlu mengambil tindakan bersiap siaga," katanya kepada BH, di sini.

Beberapa hari lalu, media melaporkan wilayah perindustrian Zhejiang berdepan sejuta jangkitan baharu Covid-19 setiap hari, malah jumlah itu dijangka meningkat sehingga dua kali ganda dalam tempoh beberapa ha-

ri akan datang.

Data Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit China melaporkan terdapat peningkatan kes di seluruh negara itu, tetapi tiada laporan kematian Covid-19 di tanah besar sejak lima hari lalu.

Sementara itu, angka kematian terbaru akibat Covid-19 di Beijing menunjukkan peningkatan susulan ramai rakyatnya demam, malah upacara pengebumi-

an meningkat selepas negara itu melonggarkan sekatan.

Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan dilaporkan berkata lima kematian baru direkodkan, semuanya di Beijing, sekali gus meningkatkan jumlah kematian kepada 5,242 mangsa, yang agak rendah berdasarkan piawaian global tetapi berpotensi meningkat selepas dasar sifar Covid-19 dilonggarkan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL



Kekal waspada kes jangkitan Naegleria Fowleri

Kuala Lumpur: Malaysia setakat ini tiada kes jangkitan Naegleria Fowleri atau dirujuk sebagai 'ameba pemakan otak' namun rakyat dinasihatkan berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya ketika ingin melakukan aktiviti di kawasan air tawar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam satu kenyataan kelmarin, berkata ini termasuklah mengelakkan diri daripada menggali atau mengusik apa-apa sedimen yang berada di dasar tasik, kolam atau sungai memandangkan habitat ameba berada di situ.

Selain itu, orang ramai dinasihatkan agar mengelakkan aktiviti seperti menyelam, melompat ke dalam air yang mana air mungkin dicemari oleh ameba yang boleh memasuki rongga hidung secara terus.

"Langkah lain ialah mencuci badan dengan air yang terawat dan sabun selepas melakukan aktiviti di dalam air dan segera mendapatkan rawatan apabila mengalami demam, sakit kepala, muntah atau kekakuan leher secara tiba-tiba terutamanya selepas melakukan aktiviti dalam air," katanya.

Naegleria Fowleri ialah ameba termofilik atau organisma sel tunggal protozoa yang boleh ditemui di seluruh dunia terutamanya dalam habitat air tawar seperti tasik, kolam, sungai, mata air panas serta dalam tanah dan boleh menyebabkan jangkitan otak yang teruk iaitu Primary Amoebic Meningoencephalitis (PAM) yang membawa maut.

Ameba Naegleria Fowleri juga dikenali sebagai 'ameba pemakan otak' kerana berupaya menyebabkan kerosakan kepada otak me-

lalui jangkitan sistem saraf tunjang dan berupaya untuk masuk ke dalam badan manusia melalui hidung semasa aktiviti berkaitan air tawar.

Kelmarin, Korea Selatan telah melaporkan kes pertama jangkitan itu memabitkan seorang lelaki warga tempatan berusia lingkungan 50-an yang meninggal dunia pada 21 Disember selepas menetap selama empat bulan di sebuah negara Asia Tenggara sebelum kembali ke republik itu pada 10 Disember lepas.

"Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus memantau rapi situasi jangkitan Naegleria Fowleri di dalam dan luar negeri dari semasa ke semasa bagi menjamin kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

"Selain itu, KKM juga komited dalam memberikan informasi yang tepat dan responsif sekiranya terdapat perkembangan terbaharu tentang penyakit tersebut," kata Dr Noor Hisham.

Menjelaskan lanjut, beliau berkata gejala PAM pada peringkat awal menyerupai gejala meningitis yang disebabkan oleh bakteria atau virus lain seperti sakit kepala, demam, loya atau muntah.

Katanya, gejala yang lebih serius seperti kekakuan leher, kekeliruan, kurang kesedaran terhadap orang serta sekeliling, sawan, halusinasi dan koma juga boleh berlaku dan kebiasaannya, gejala ini muncul sekitar lima hari selepas jangkitan (tempoh inkubasi) dan seawal satu hari atau selewat-lewatnya 12 hari selepas dijangkiti.

"Keadaan pesakit juga boleh bertambah teruk dengan cepat iaitu dalam tempoh lima hari dan kematian boleh berlaku dalam tempoh satu hingga 18 hari daripada onset gejala," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

KKM saran ambil dos penggalak

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan (KKM) menyarankan kepada masyarakat terutama barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi mendapatkan dos vaksin penggalak Covid-19 susulan perkembangan terkini penyakit itu di China ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, walaupun ketika ini kes dalam negara masih terkawal dan menurun, tindakan siap siaga perlu diambil.

"Melihat kepada perkembangan terkini di negara China, KKM ingin menyarankan kepada semua untuk mendapatkan suntikan dos vaksin penggalak terutama barisan hadapan dan kumpulan berisiko tinggi," katanya di Facebook pada Khamis.

Sebelum ini media melaporkan China menyaksikan peningkatan rekod kes Covid-19 melibatkan jangkitan tempatan yang menyaksi-



DR NOOR HISHAM

kan langkah sekatan pergerakan diperketatkan di beberapa bandar utama termasuk Beijing dan Shanghai bermula 24 November.

Beberapa bandar seperti Shanghai, Beijing, Guangzhou, Wuhan dan lain-lain telah dilanda protes besar-besaran menuntut sekatan pergerakan dan ujian saringan PCR ditarik balik serta kelonggaran sekatan Covid-19.

Pada Jumaat, media melaporkan kira-kira 37 juta penduduk di China mungkin dijangkiti Covid-19 dalam sehari.

Difahamkan sehingga 248 juta orang atau hampir 18 peratus penduduk berkemungkinan dijangkiti virus itu dalam 20 hari pertama pada Disember.

China juga dilaporkan akan membuka semula sempadannya pada 8 Januari 2023 selepas hampir tiga tahun ditutup berikutan pandemik Covid-19.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION



Masked travellers checking their passports as they line up at the international flight check-in counter at Beijing Capital International Airport yesterday.

AFP PIC

CHINA REOPENING

TRAVELLERS TO FACE TIGHTER COVID RULES

Some countries
imposing tests
on arrivals

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA will step up its Covid-19 restrictions for arrivals into the country to emulate its foreign counterparts, which have begun imposing tests on travellers.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said she had a meeting with top officials in the ministry, which would issue a statement soon on how to keep infections at bay.

"We will come up with a statement and measures that we need to enhance from what we are doing. We have to take into consideration all possible impacts, especially on the economy, without compromising people's health and protection.

"We have to work together with all countries, as well as the World Health Organisation, in particular. The best decisions are always scientific-based and policies must be data-driven," she said.

The United States and Italy had imposed a requirement on arrivals from China, where travellers had to provide a negative Covid-19 test result.

The US said its new policy would begin on Jan 5, while Italy

had begun testing arrivals from China.

Italy's policy was implemented after more than half of the passengers in a flight from China to Milan had tested positive for Covid-19.

Italian Health Minister Orazio Schillaci said all travellers coming from China would be subjected to Covid-19 antigen swabs and virus sequencing.

Milan's main airport, Malpensa, started testing passengers from Beijing and Shanghai on Dec 26 and many of the results showed that almost one in two passengers were positive.

Orazio said the measure was vital to ensure surveillance and detection of variants to protect the Italian population.

Japan and Taiwan had mandated negative Covid-19 test results for Chinese travellers from Dec 30 and Jan 1, respectively.

According to the *South China Morning Post*, an unverified document online suggested that about 248 million people in China had been infected from Dec 1 to 20.

Malaysia recorded the highest number of Covid-19 infections on March 4, when 33,209 cases were detected since the pandemic struck in 2019. On Dec 28, 480 new cases were reported. The tally now stands at 5,024,902.

Meanwhile, former Malaysian Medical Association president Datuk Dr N.K.S. Tharmaseelan said entry rules should be revised and the visa-on-arrival system should be temporarily halted.

He said the high commissions and embassies abroad should grant visas only to those who were tested and proven to be negative for the coronavirus.

Travellers, he said, must be tested a day before departure and screenings on arrival should be mandatory.

"There should be limited numbers of visas issued, especially in China and other countries where

Covid-19 has re-emerged.

"This is not the appropriate time to leave the borders wide open or be concerned about tourist numbers.

"China, with one of the most stringent rules for Covid-19 prophylactic measures, has seen a humongous upsurge in infections.

"We should be alert and wary. We should continue to adopt the same 'rituals' as during the Movement Control Order with the wearing of face masks, sanitising of hands and physical distancing in crowded places."

Page 1 pic: A senior citizen receiving a dose of Covid-19 vaccine in Kuala Terengganu last year.



Dr Zaliha Mustafa

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NATION/NEWS

OMICRON SUBVARIANT BF.7

'BOOSTERS BEST WAY TO PROTECT MALAYSIANS'

They will prevent country from experiencing surge in cases like China

THARANYA ARUMUGAM
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

A WELL-TIMED booster dose would be the most effective way to protect Malaysia from experiencing a similar fate as China, which is facing an exponential rise in Covid-19 cases driven by Omicron subvariant BF.7.

Molecular virologist Dr Vinod Balasubramaniam said this in expressing concern over the "worryingly low" uptake of Covid-19 booster shots among Malaysians.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday said less than half, or 49.8 per cent, of the population have received the first booster dose. The number of people who have received their second booster

dose was even more dismal at a mere 1.9 per cent, he added.

Dr Vinod, who is a senior lecturer of the Jeffrey Cheah School of Medicine and Health Sciences at Monash University Malaysia, said these numbers should be concerning.

"The Health Ministry must do more to encourage the population to take booster doses if we don't want to clog our ICU beds and burden hospitals.

"Get booster shots if you are eligible (more than six months from your previous booster), especially for vulnerable populations.

"While there are no knee-jerk reactions from the government, the public should take their safety in their own hands, especially if you have people who are vulnerable at home," he told the *New Straits Times*.

He said while the argument was that one could still get infected, even with a booster, the chances

of getting infected and suffering from serious symptoms, as well as the risk of hospitalisation, were reduced with booster doses, especially in vulnerable populations.

He said BF.7 had the strongest infection ability among the Omicron subvariants, being quicker to transmit than other variants, having a shorter incubation period, and with greater capacity to infect people who have had a previous Covid-19 infection, or have been vaccinated, or both.

BF.7 is believed to have an R0, or basic reproduction number, of 10 to 18.6, according

to latest data. "This means an infected person will transmit the virus to an average of 10 to 18.6 other people. Research has shown Omicron has an average R0 of 5.08."

"This Omicron sub-lineage has more mutations in its spike pro-

tein than its parent version, which makes it even more lethal even for those who are fully vaccinated against the virus."

BF.7 has been detected in several other countries, including India, the United States, the United Kingdom, Belgium, Germany, France and Denmark.

A person infected with the BF.7 variant may face symptoms like fever, sore throat, runny nose, fatigue, vomiting, and diarrhoea.

Dr Vinod, however, said despite BF.7's immune-evasive characteristics, and worrying signs about its growth in China, the variant seemed to be remaining fairly steady elsewhere.

"For example, in the US, it was estimated to account for 5.7 per cent of infections up to Dec 10, down from 6.6 per cent the week prior."

On China's Covid-19 crisis, he believed it could be due to BF.7's high R0 coupled with the low level of immunity in the Chinese population from previous infections, and possibly the kind of vaccination administered as well as vaccination coverage.

"The strict lockdowns in China meant that a huge proportion of the population did not get infected. China has been struggling with a rush of Covid-19 cases after it started moving away from its so-called zero-Covid approach, which mandated strict lockdowns, quarantines and closed borders.

"The country is ramping up vaccinations for its vulnerable elderly population as the case surge strains healthcare systems.

"Another reason could be that the primary vaccine used in China is Sinovac, when we know that the other vaccines (Pfizer-BioNTech and AstraZeneca) have superior capabilities in terms of protection."

Dr Vinod said while the ministry had reported no recent cases of BF.7 in Malaysia, it would be a matter of time before the country saw its first due to operating protocol relaxations and air travel.

Earlier, Dr Noor Hisham urged frontliners and the public, especially those in the high-risk groups, to get a booster dose of the Covid-19 vaccine.



A man receiving a booster shot of the Covid-19 vaccine in Kuala Terengganu last year. Only 1.9 per cent of the Malaysian population have received their second booster dose. FILE PIC



Dr Vinod Balasubramaniam

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Frontliners, high risk groups urged to get boosters

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has recommended that frontliners and the public, especially high-risk groups, get an additional booster dose of the Covid-19 vaccine following the latest developments on the pandemic in China.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said on Facebook yesterday although Covid cases in the country are currently under control and decreasing, precautions must be taken.

On Tuesday, he said in a statement that the ministry was increasing preparedness to face the possibility of increased cases and deaths due to Covid following a drastic increase in cases in China.

Among the steps that will be taken is to increase the percentage of individuals eligible to receive booster doses to reduce the spread of infection and deaths. - Bernama